

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 26 MEI 2016

SOALAN :

62. PR-1342-L74354

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi setiap negeri dalam Malaysia daripada aspek pembangunan, pendapatan/perbelanjaan negeri, hutang terkumpul, rezab terkumpul dan pendapatan penduduk per kapita negeri sepanjang 5 tahun lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi perbelanjaan projek pembangunan mengikut negeri yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan semasa Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015) adalah sebanyak RM108.9 bilion. Pecahan mengikut negeri bagi perbelanjaan pembangunan tersebut adalah seperti jadual di bawah:

NEGERI	PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (RM juta)				
	2011	2012	2013	2014	2015
Johor	2,404.02	1,574.85	1,198.58	1,287.07	1,481.03
Kedah	1,085.96	1,156.42	809.27	830.55	825.46
Kelantan	967.40	800.71	622.52	756.94	1,122.94
Melaka	343.14	489.06	279.19	319.82	312.42
Negeri Sembilan	1,878.30	1,185.39	797.68	591.85	527.92
Pahang	1,510.34	1,749.34	1,235.48	1,837.38	1,715.67
Perak	1,034.17	1,198.43	713.13	643.38	845.58
Perlis	704.56	162.55	314.38	365.93	272.43
Pulau Pinang	775.51	754.56	777.68	737.20	677.41
Sabah	4,715.11	3,602.68	2,483.13	2,670.56	2,974.30
Sarawak	3,382.17	3,273.47	2,424.59	2,044.42	2,609.57
Selangor	2,160.69	2,604.86	1,727.32	1,373.24	1,207.69
Terengganu	1,092.33	1,227.37	973.27	880.88	770.25
Wilayah Persekutuan	5,038.02	5,015.71	4,648.74	4,959.21	3,406.82
JUMLAH	27,091.72	24,795.42	19,004.97	19,298.46	18,749.49

Sumber: SPPII ICU

Dari segi prestasi pertumbuhan ekonomi negeri-negeri, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita mengikut negeri dan pendapatan purata bulanan isi rumah mengikut negeri adalah seperti berikut:

**Keluaran Dalam Negeri Kasar
Mengikut Negeri
RM Juta**

NEGERI	2010	2011	2012	2013	2014
Johor	74,102	78,946	84,050	88,013	93,737
Kedah	27,356	29,585	31,241	32,755	34,139
Kelantan	15,591	16,691	17,558	18,140	19,055
Melaka	24,187	25,487	27,276	27,947	30,078
Negeri Sembilan	30,229	32,007	33,924	34,858	35,943
Pahang	35,871	38,148	40,047	42,158	43,810
Perak	43,313	46,346	49,756	52,381	54,789
Perlis	4,105	4,214	4,426	4,576	4,809
Pulau Pinang	52,946	55,827	58,353	61,288	66,187
Sabah	58,127	59,339	61,223	63,150	66,283
Sarawak	87,131	92,700	94,013	98,132	102,385
Selangor	177,718	187,434	200,906	212,760	227,085
Terengganu	22,769	23,509	24,292	25,359	26,890
Wilayah Persekutuan	113,095	122,890	131,514	140,625	152,439
JUMLAH	766,540	813,123	858,579	902,142	957,629

Sumber: Jabatan Perangkaan

**Keluaran Dalam Negeri Kasar Per Kapita Mengikut Negeri
(RM)**

NEGERI	2010	2011	2012	2013	2014
Johor	22,035	24,350	25,442	26,317	28,466
Kedah	14,034	15,563	16,088	16,629	17,321
Kelantan	9,806	10,894	11,217	11,265	11,815
Melaka	29,366	32,421	34,965	35,727	38,766
Negeri Sembilan	29,363	32,136	33,761	34,029	35,969
Pahang	23,883	27,069	27,413	27,912	29,575
Pulau Pinang	33,597	35,527	37,053	38,472	42,186
Perak	18,207	20,370	21,711	22,438	24,207
Perlis	17,410	18,299	19,537	20,136	21,084
Selangor	32,300	34,478	36,799	38,082	40,701
Terengganu	21,573	23,282	23,935	24,488	26,573
Sabah	17,831	19,648	19,487	18,647	19,672
Sarawak	35,034	40,632	41,493	41,792	44,437
Wilayah Persekutuan	64,693	70,675	77,073	82,262	91,097

Sumber: Jabatan Perangkaan

**Pendapatan Purata Bulanan Isi Rumah Mengikut Negeri
(RM)**

Negeri	2009	2012	2014
Johor	3,835	4,658	6,207
Kedah	2,667	3,425	4,478
Kelantan	2,536	3,168	3,745
Melaka	4,184	4,759	6,046
N.Sembilan	3,540	4,576	5,271
Pahang	3,279	3,745	4,343
P.Pinang	4,407	5,055	5,993
Perak	2,809	3,548	4,268
Perlis	2,617	3,538	4,445
Selangor	5,962	7,032	8,252
Terengganu	3,017	3,967	4,816
Sabah	3,144	4,089	4,985
Sarawak	3,581	4,293	4,934
W.P.Kuala Lumpur	5,488	8,586	10,629
W.P. Putrajaya	6,747	8,101	10,401

Sumber : Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah, 2014

Manakala bagi pendapatan/perbelanjaan negeri, hutang terkumpul dan rezab terkumpul adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing. Bagi Kerajaan Persekutuan, maklumat ini adalah seperti di dalam Laporan Ekonomi yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan boleh didapati di laman sesawang www.treasury.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT
[MERBOK]**

TARIKH : 26 MEI 2016

SOALAN : 13

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pinjaman pelajaran MARA yang telah disalurkan untuk tempoh lima tahun yang lalu serta berapakah dari jumlah tersebut yang telah ditukar status pinjaman kepada biasiswa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, program penajaan pelajaran MARA adalah bukan dalam bentuk biasiswa tetapi secara pinjaman boleh ubah.

Program penajaan di dalam dan di luar negara dalam pelbagai peringkat pengajian bertujuan memenuhi keperluan pasaran semasa yang memerlukan modal insan yang profesional dan *global oriented*.

Jumlah perbelanjaan penajaan pelajar mengikuti pengajian di dalam dan di luar negara dari tahun 2011 hingga 2015 adalah sebanyak RM10 bilion dengan purata perbelanjaan sebanyak RM2 bilion setahun.